

# Siswazah bawa pulang dua ijazah sekali gus

► IRMA KAMARUDIN  
irmak@sph.com.sg

BUKAN satu tetapi dua ijazah sarjana muda yang digenggam sekali gus.

Setelah lima tahun bekerja keras, Cik Siti Nurhayati Rahim berjaya membawa pulang ijazah sarjana muda dalam pengurusan perniagaan daripada Universiti Pengurusan Singapura (SMU) dan ijazah sarjana muda dalam kejuruteraan daripada Universiti Teknologi dan Rekaan Singapura (SUTD).

Beliau antara 30 pelajar dalam kohort penuntut Program Dwi Sarjana Muda (DDP) dalam Teknologi dan Pengurusan yang tamat pengajian mereka tahun ini.

Program itu membolehkan penuntut memburu dua ijazah sarjana muda itu serentak dalam masa lima tahun.

"Saya mahukan sesuatu yang luas, yang meliputi kedua-dua aspek dan tidak mahu terbatas hanya kepada satu ijazah sarjana muda.

"Kejuruteraan dan pengurusan perniagaan mungkin dilihat sebagai dua bidang yang berlawanan tetapi saya dapat lihat manfaatnya. Menerusi program kejuruteraan, saya dapat meraih kemahiran dari segi aspek teknikal dan menerusi program pengurusan

perniagaan pula, saya dapat meraih kebebasan membina hubungan dengan warga," kata gadis berusia 22 tahun itu.

Perjalanannya meraih dua ijazah bagaimanapun tidak mudah.

Cik Siti Nurhayati perlu melaksanakan tugas sekolah yang banyak dan juga menyesuaikan diri pada dua budaya universiti yang berlainan.

Di samping itu, beliau juga berdepan dengan cabaran dalam program kejuruteraan kerana tiada pengetahuan asas, seperti ilmu fizik.

Bagaimanapun, beliau bersyukur SUTD mempunyai kursus asas buat tahun pertama bagi penuntut belajar modul berkaitan matematik dan ilmu fizik untuk program kejuruteraan itu.

Cik Siti Nurhayati juga menerima sokongan daripada ibu bapanya – Encik Rahim Othman, 64 tahun, dan Cik Nooraini Ja'afar, 59 tahun.

"Ibu bapa saya mengutamakan pendidikan. Mereka sentiasa mengingatkan saya bahawa saya perlu bekerja keras jika mahukan sesuatu dan tidak ada perkara yang datang dengan mudah dalam kehidupan.

"Itulah pemikiran yang saya terapkan apabila memulakan program ini," kata beliau.



**GENGGMAN DUA IJAZAH:** Cik Siti Nurhayati Rahim menyertai Program Dwi Sarjana Muda yang menawarkan ijazah dalam pengurusan perniagaan daripada Universiti Pengurusan Singapura (SMU) dan ijazah dalam kejuruteraan daripada Universiti Teknologi dan Rekaan Singapura (SUTD). – Foto BH oleh SONG TAO

Selain sibuk dalam bidang akademik, Cik Siti Nurhayati juga aktif dalam sukan badminton dan luncur angin di universiti.

Beliau menyertai beberapa pertandingan nasional dan antarabangsa serta juga memulakan kelab luncur angin di SUTD bersama rakannya.

Malah, beliau juga menguji kemahiran usahawannya dengan mengasaskan perniagaan kedai sandwich bersama abangnya di SUTD.

Kini, anak bongsu dalam tiga beradik itu

akan mula bekerja di Restaurant Brands International di bawah Program Pembangunan Kepimpinan pada bulan depan.

Menurut SMU dan SUTD dalam kenyataan bersama, kesemua 30 penuntut dalam kohort pertama DDP itu berjaya mendapatkan pekerjaan, membangunkan perniagaan start-up atau merancang melanjutkan pengajian dalam tempoh sebulan setelah selesai menduduki peperiksaan akhir pada April lalu.

Cik Siti Nurhayati menasihati pelajar lain

di luar sana agar mempunyai sifat berani mengharungi apa jua cabaran dalam kehidupan mereka.

"Bersikap berani dalam apa jua yang anda lakukan dan lihat perkembangannya. Anda mungkin sudah mempunyai rancangan tetapi rancangan itu selalu berubah sedang anda melalui perjalanan.

"Kekalkan minda terbuka untuk mencuba peluang baru dan kemas kini matlamat hidup anda sepanjang perjalanan," kata beliau.